



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12/2/2011

Mubarak perlu berundur

KUALA LUMPUR 11 Feb. - Hosni Mubarak perlu meletakkan jawatan sebagai Presiden Mesir kerana rakyat di negara itu sudah lama menderita sepanjang 30 tahun pemerintahannya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, menjadi pemimpin sesebuah negara, mereka harus belajar dan menyedari hakikat untuk tidak memegang jawatan tersebut terlalu lama.

Malah, tegas beliau, seseorang pemimpin juga tidak seharusnya menjadikan pemerintahan mereka sebagai sebuah dinasti.

"Seperti di Mesir, rakyat mereka sudah lama tertekan dan menderita. Oleh sebab itu, mereka mendesak Mubarak berundur.

"Saya sendiri pernah ditanya sewaktu berada di Iskandariah, Mesir beberapa tahun lalu mengenai mengapa saya melepaskan jawatan selepas 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

"Jawapan saya cukup mudah. Sebagai perumpamaan, kalau kita mendiami rumah orang sekalipun, janganlah kita tinggal terlalu lama.

"Kepada mereka saya katakan, sebagai pemimpin kita tidak harus memerintah terlalu lama sehingga membina sebuah dinasti," katanya.